

JANUARI-MAC 2017

KANDUNGAN:

LATAR BELAKANG LEMBAGA KAUNSELOR

<i>Latar Belakang Lembaga Kaunselor</i>	1
<i>Fungsi Lembaga Kaunselor</i>	1
<i>Bengkel Psychological First Aid (PFA) SIRI 1/2017</i>	2
<i>Konvensyen Antarabangsa Teori dan Aplikasi Kaunseling 2017 (ICTAC 2017)</i>	2
<i>Kunjungan Hormat Lembaga Kaunselor dengan KSU</i>	3
<i>Mesyuarat Majlis Penasihat Kaunselor Malaysia</i>	3
<i>Bengkel Penulisan Laporan Kaunseling Siri 1/2017</i>	4
<i>Ceramah Etika Pengurusan Kes Kaunseling</i>	4
<i>Malam Anugerah Kaunseling dan Alumni UM</i>	4
<i>Bengkel Psychological First Aid (PFA) SIRI 2/2017</i>	5
<i>Sesi Pengesahan Kelayakan Kaunselor berdaftar bagi bulan Jan—Mac 2017</i>	5
<i>Kunjungan Mesra dari Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT)</i>	5
<i>Petikan Kod Etika Kaunselor Lembaga Kaunselor</i>	6

Lembaga Kaunselor merupakan satu badan profesional dalam menjalankan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) di Malaysia. Badan profesional ini diketua oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan terdiri daripada 5 orang kakitangan tetap dan disokong oleh 16 Ahli Lembaga Kaunselor yang telah dilantik oleh YB Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK).



FUNGSI LEMBAGA KAUNSELOR

Fungsi Lembaga Kaunselor adalah untuk:

- menyelia pemberian perkhidmatan kaunseling;
- menilai keperluan bagi perkhidmatan kaunseling di Malaysia;
- mengawal selia latihan kaunselor dan menentukan jenis dan tahap kaunseling yang akan diadakan di Malaysia;
- menentukan kelayakan yang melayakkan seseorang untuk didaftarkan di bawah Akta ini;
- menentukan standard program latihan kaunseling;
- membuat syor kepada Kerajaan berhubung dengan standard perkhidmatan kaunseling;
- mendaftarkan kaunselor yang berkecualan;
- mengawal selia fi yang boleh dikenakan oleh kaunselor berdaftar bagi perkhidmatan kaunselingnya;
- melantik anggota-anggota Lembaga untuk menganggotai mana-mana lembaga, jawatankuasa atau badan yang ditubuhkan bagi apa-apa maksud yang menyentuh profesion kaunseling;
- mengawal selia tata kelakuan profesion kaunseling, termasuklah menetapkan kod etika bagi profesion kaunseling; dan
- melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu untuk membolehkannya menjalankan fungsinya dengan berkesan.

BENGKEL PSYCHOLOGICAL FIRST AID (PFA) SIRI 1/2017



Pada 27 dan 28 Januari 2017, Lembaga Kaunselor telah mengadakan Bengkel Psychological First Aid (PFA)

Seramai 25 orang peserta telah menghadiri bengkel in yang terdiri daripada Ahli Lembaga Kaunselor serta Presiden Lembaga Kaunselor yang turut hadir memberi sokongan.



Bengkel ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas bagi membantu mangsa bencana alam dalam aspek bantuan psikologi.

KONVENSYEN ANTARABANGSA TEORI DAN APLIKASI KAUNSELING 2017 (ICTAC 2017)



Pada 6, 7 dan 8 Feb 2017, Lembaga Kaunselor telah mendapat jemputan untuk menyertai pameran di Dewan DKG, Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena Konvensyen Antarabangsa Teori dan Aplikasi Kaunseling 2017 (ICTAC 2017).

Konvensyen Antarabangsa yang dianjurkan oleh Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK) mendapat sambutan hangat dari peserta luar negara di mana jumlah peserta mencecah 1,200 orang peserta dari seluruh Malaysia. Majlis ini di rasmikan oleh YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid iaitu Menteri Pendidikan Malaysia

Sekali anda mengerjakan sesuatu, jangan takut gagal dan jangan tinggalkan itu. Orang-orang yang bekerja dengan ketulusan hati adalah mereka yang paling bahagia.

-Chanakya-

KUNJUNGAN HORMAT LEMBAGA KAUNSELOR DENGAN KSU, KPWKM



Pada 13 Februari 2017, Lembaga Kaunselor telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat YBhg Datuk Dr Rose Lena binti Lazemi (Ketua Setiausaha, KPWKM) di aras 37, KPWKM.

Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk memperkenalkan Ahli Lembaga Kaunselor Sesi 2016-2018 kepada KSU, KPWKM.

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT KAUNSELOR MALAYSIA



Mesyuarat Majlis Penasihat Kaunselor Malaysia Yang Pertama Bil.1/2017 telah di-pengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM pada 14 Februari 2017.

Mesyuarat telah di hadiri oleh anggota yang dilantik oleh YB Menteri KPWKM bagi sesi 2016 hingga 2018

“Anda tidak bisa pergi dari tanggungjawab esok hari dengan menghindarinya hari ini”

-Abraham Lincoln -



BENGKEL PENULISAN LAPORAN KAUNSELING SIRI 1/2017

Pada 27 dan 28 Februari 2017, Bengkel Penulisan Laporan Kaunseling diadakan. Fasilitator yang mengendalikan bengkel ini adalah YBrs Prof Madya Dr Salleh bin Amat yang merupakan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Seramai 30 orang pegawai psikologi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyertai bengkel ini.

Bengkel ini memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah penulisan laporan kaunseling mengikut standard yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor



CERAMAH ETIKA PENGURUSAN KES KAUNSELING

Pada 07 Mac 2017, Presiden Lembaga Kaunselor telah dijemput untuk memberi ceramah yang bertajuk "Etika Pengurusan Kes Kaunseling" di Perak sempena Mesyuarat Agong Tahunan Majlis Guru Kaunseling (MGK), Perak. Ceramah yang disampaikan memberi pendedahan kepada guru kaunseling agar memahami etika sebagai kaunselor serta pendedahan kepada teori kaunseling. Seramai 500 orang guru kaunseling Perak telah menghadiri sesi ceramah ini.



*"Kesempatan untuk
menemukan kekuatan yang
lebih baik dalam diri kita
muncul ketika hidup terlibat
sangat menantang*

-Joseph Campbell -

MALAM ANUGERAH KAUNSELING DAN ALUMNI UM

Pada 25 Mac 2017, Presiden telah menerima jemputan daripada Persatuan Kaunseling Universiti Malaya untuk merasmikan Majlis Malam Anugerah Kaunseling dan Alumni. Majlis ini diadakan di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya.



BENGKEL PSYCHOLOGICAL FIRST AID (PFA) SIRI 2/2017

Pada 27 hingga 28 Mac, Bengkel Psychological First Aid (PFA) telah di adakan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas bagi membantu mangsa bencana alam dalam aspek bantuan psikologi. Bengkel ini meliputi simulasi yang mampu memberi impak kepada kaunselor yang akan mengendalikan kes yang berkaitan dengan bencana atau tragedi.



SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BAGI BULAN JAN—MAC 2017

Temuduga pengesahan kelayakan bagi pendaftaran Kaunselor Berdaftar (KB) dan Perakuan Amalan (PA) telah diadakan di Putrajaya sebanyak empat (4) sesi iaitu dari bulan Jan sehingga bulan Mac 2017.

Dr Wan Marzuki bin Wan Jaafar ,Puan Hajah Nor Amni binti Yusoff , Prof Madya Dr Salleh bin Amat dan Puan Mumtaj Begum binti Mohd Sultan.

Seramai 68 calon telah hadir sesi pengesahan kelayakan kaunselor berdaftar ini. Panel sesi pengesahan kelayakan terdiri dari



*Tugas kita bukanlah
untuk berhasil. Tugas kita
adalah untuk mencuba,
kerana di dalam mencuba
itulah kita menemukan
dan belajar
membangunkan
kesempatan untuk berhasil*

-Hamka-

KUNJUNGAN MESRA DARI JABATAN ARAH KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (KAGAT)

Pada 28 Mac 2017 satu kunjungan mesra dari Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT). Satu perbincangan telah di adakan bertempat di Pejabat Pengurusan Lembaga Kaunselor untuk membincangkan isu pendaftaran Kaunselor dan isu kaunseling berhubung pegawai KAGAT.



PETIKAN KOD ETIKA KAUNSELOR LEMBAGA KAUNSELOR

A.5.c. Interaksi atau hubungan bukan profesional (selain daripada interaksi dan hubungan seksual dan romantik)

Hubungan bukan profesional antara kaunselor dengan klien, bekas klien, pasangan romantik klien atau ahli keluarga klien hendaklah dielakkan, melainkan apabila interaksi ini berpotensi memberi manfaat kepada klien.

A.5.d Interaksi berpotensi memberi faedah

Apabila sesuatu interaksi bukan profesional antara kaunselor dengan seseorang klien atau bekas klien atau individu lain yang terlibat secara signifikan dengan mereka berpotensi memberi faedah kepada mereka, kaunselor mestilah mendokumentasikan (jika boleh) di dalam rekod-rekod kes sebelum terlibat di dalam sesuatu interaksi, rasional penglibatan di dalam interaksi sedemikian, faedah dan akibat yang dijangkakan bagi klien atau bekas klien dan individu-individu lain yang terlibat secara signifikan dengan klien atau bekas klien.

A.5.d Perubahan peranan dalam hubungan profesional

Apabila seseorang kaunselor menukar peranannya daripada apa yang terkandung di dalam kontrak asal atau yang terkini, ia hendaklah mendapat persetujuan termaklum daripada kliennya dan menjelaskan hak klien untuk menolak perkhidmatan yang berkaitan dengan perubahan itu, contoh-contoh perubahan peranan termasuklah:

1. Bertukar daripada kaunseling individu kepada kaunseling keluarga atau sebaliknya;
2. Bertukar daripada peranan menilai bukan forensik kepada peranan terapeutik, atau sebaliknya;
3. Bertukar daripada peranan seorang kaunselor kepada peranan seorang penyelidik (iaitu mengajak klien menjadi peserta penyelidikan), atau sebaliknya; dan
4. Bertukar daripada peranan seorang kaunselor kepada peranan sebagai orang tengah atau sebaliknya.

Klien mestilah diberitahu sepenuhnya akan akibat yang dijangkakan (misalnya kewangan, undang-undang, peribadi, atau terapeutik) daripada perubahan peranan kaunselor.

A.6 Peranan dan hubungan pada tahap individu, kelompok, institusi dan masyarakat

A.6.a Advokasi

Di mana sesuai kaunselor advokat pada tahap individu, kelompok, institusi dan masyarakat untuk meneliti bakal rintangan dan halangan yang menyekat akses dan / atau pertumbuhan dan perkembangan klien.

A.6.b Kerahsian dan advokasi

Kaunselor hendaklah mendapat persetujuan klien sebelum melibatkan diri dalam usaha-usaha advokasi bagi pihak seseorang klien yang dikendalikannya untuk memperbaiki mutu penawaran perkhidmatan dan ia hendaklah berusaha ke arah menghapuskan rintangan atau halangan di dalam sesuatu system yang menyekat akses, pertumbuhan, dan perkembangan klien.

*“Janganlah takut salah,
kerana dengan kesalahan
yang pertama kita dapat
menambah pengetahuan
untuk mencari jalan yang
benar pada langkah kedua “*

-Hamka -